



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
Public Service Department Of Malaysia (PSD)  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)  
E-mel (E-mail): [zabidi@jpa.gov.my](mailto:zabidi@jpa.gov.my)

JPA.SARAAN(S) 223/8/3 Klt.19 (17)

10 April 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB/YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

## **KELAYAKAN CUTI TANPA REKOD PERAYAAN VAISAKHI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YB/YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada 7 Mei 2012 telah mengumumkan pemberian Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi selama sehari untuk semua penganut Sikh dalam perkhidmatan awam mulai tahun 2013. Pemberian kemudahan ini telah dijelaskan melalui Surat Edaran Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi rujukan JPA(S)223/8/3 Klt.18(46) bertarikh 31 Januari 2013 yang membenarkan pegawai yang terlibat tidak hadir bertugas dan tidak ditolak daripada kelayakan Cuti Rehat pegawai.


3. Memandangkan Hari Vaisakhi Tahun 2013 jatuh pada hari kelepasan mingguan, maka Kerajaan bersetuju supaya kelulusan khas Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi bagi tahun ini **dibawa kepada hari berikutnya**. Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi tahun-tahun berikutnya adalah kekal mengikut prinsip dan peraturan pemberian cuti yang berkuat kuasa.

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohamad Zabidi Zainal', written in a cursive style.

**(DATO' MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**